

20 APR 2001

PERDANA MENTERI AKHIRI LAWATAN KE KELANTAN

KOTA BAHARU, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakhiri lawatan seharinya ke Kelantan hari ini dengan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Umno bahagian Bachok dan Peringat.

Perjumpaan tertutup selama sejam lima minit itu bermula 9 malam ini di Maktab Rendah Sains Mara di Pasir Tumboh, dekat sini.

Kira-kira 800 pemimpin cawangan, pergerakan pemuda dan wanita Umno kedua-dua bahagian itu mendengar amanat daripada Perdana Menteri yang juga Presiden Umno.

Umno bahagian Bachok diketuai oleh Datuk Ahmad Shahibudin Mohd Noor manakala bahagian Peringat diterajui oleh Datuk Annuar Musa yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas ke Alor Star dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa.

Turut mengucap selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed dan beberapa pemimpin Umno negeri dan bahagian.

--BERNAMA

BD NAK